

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS BERSAMA DYTM TUANKU CANSELOR &
SIMBOLIK PENERIMAAN SISWA BAHARU (IJAZAH)
MINGGU SUAIKENAL SIDANG AKADEMIK 2018/19
27 OGOS 2018

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Patik merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Tuanku berdua meluangkan masa bercemar duli di Majlis Bersama DYTM Tuanku Canselor dan Simbolik Penerimaan Siswa Baharu (Ijazah) Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2018/19.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku menunjukkan sokongan dan keprihatinan terhadap perkembangan UniMAP dan pastinya memberi suntikan

semangat buat seluruh warga UniMAP. Patik dan sekalian hadirin amat berbesar hati dengan keberangkatan Duli Tuanku memeriahkan Majlis petang ini.

Ampun Tuanku, patik mohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk memberi sepatah dua kata kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

SALUTASI

Sahabat-sahabat saya warga UniMAP,

Wakil media,

Yang dihormati ibu bapa dan waris pelajar, serta mahasiswa mahasiswi yang dikasihi.

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Azza Wajjalla kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bertemu dalam Majlis Bersama DYTM Tuanku Canselor Dan Simbolik Penerimaan Siswa Baharu (Ijazah) Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2018/19.
2. *Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada ibubapa dan waris yang menempuhi perjalanan dari dekat dan jauh mengiringi anak masing-masing ke sini. Kepercayaan tuan-tuan memilih UniMAP sebagai tempat anak menimba ilmu amat kami hargai.*
3. *Justeru di kesempatan ini, kami mengucapkan selamat datang ke UniMAP dan Perlis! Sementara tuan-tuan di sini, nikmatilah keindahan negeri yang permai lagi mempesona ini!*
4. Alhamdulillah, pada tahun ini kita telah menawarkan 2,646 tempat dengan pecahan calon lelaki 1,267 dan calon perempuan 1,379. Mereka bakal

mengikuti 31 program di 11 pusat pengajian. Ini tidak termasuk 81 calon pelajar antarabangsa.

5. To all international students, welcome! I hope your stay here will be most productive, and that you will always think of it as the best times of your life!
6. Pelajar pertama yang mendaftar hari ini ialah **Lim Willy** yang berasal daripada **Skudai, Johor**, dalam Jurusan Ijazah **Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bio Perubatan**. Mari kita beri tepukan selamat datang kepada mereka, serta siswa-siswi lain yang telah mendaftar di antara masa kedua mereka ini mendaftar.
7. Lebih manis pada hari pertama ini juga, ada rakan-rakan baharu kita menyambut hari kelahiran mereka pada hari ini iaitu saudara Edwin A/L Vincen, Saudara Abdul Rahman Al Hafiz Abdul Rahim, Saudari Siti Hajar Mohamad Ashri, Saudari Liyana Bahari, Saudari Nur Hayatul Syamilah Shahrulazwar, dan Saudari Nurul Aqmar Ahmad Nazeri. Selamat Hari Lahir diucapkan!
8. Untuk makluman semua, jumlah penawaran dari Kedah mencatat jumlah tertinggi iaitu 243 orang, diikuti 196 dari Selangor, 161 dari Kelantan dan selebihnya dari negeri-negeri lain. InsyaAllah jumlah kemasukan pelajar ini dijangka meningkat kerana kita turut menawarkan tempat bagi ambilan kedua.

Hadirin dan hadirat sekalian,

LATARBELAKANG UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

9. Izinkan saya bercerita serba sedikit mengenai universiti yang akan menjadi rumah kedua siswa siswi selepas ini. UniMAP ditubuhkan pada tahun 2001 dengan nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (atau

singkatannya KUKUM), dengan pengambilan pertama pelajar pada Jun 2002. Pada tahun 2007, ia dijenamakan semula sebagai UniMAP.

10. Walau usianya muda remaja, alhamdulillah kita telah mencatat pelbagai kejayaan dalam bidang akademik, penyelidikan, sukan, dan kebudayaan. ***Kejayaan yang ada ini akan dimanfaatkan agar anak-tuan turut meraihnya insyaaAllah.***

KAMPUS UniMAP

11. Terdapat 3 lokasi utama UniMAP iaitu di Pauh Putra, Sungai Chuchuh, dan Kangar. Kita berada di Kampus Alam Pauh Putra, yang di dalamnya terdapat pelbagai kemudahan, antaranya Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, litar go-kart, Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, dan banyak lagi. Beberapa kerja pembangunan masih lagi berlangsung di sekitar kawasan kampus ini, yang dikhususkan buat pelajar sarjana muda kejuruteraan.
12. Tapak kampus kedua ialah Kampus Uniciti Alam yang terletak di Padang Besar. Ia difokuskan buat pelajar Diploma dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan. Sebagaimana di Pauh Putra, ia dilengkapi perpustakaan digital serta kemudahan-kemudahan lain. Turut berada di kampus Uniciti ialah Institut Agroteknologi Lestari yang menjadi pusat penyelidikan bidang agroteknologi, dengan pengkhususan kepada penyelidikan harum manis.
13. Kampus Bandar di Kangar pula menempatkan pusat pengajian aliran perniagaan dan komunikasi media baharu. Terdapat juga perpustakaan bagi memudahkan pelajar menimba ilmu di mana jua mereka berada. Meskipun berjauhan antara satu sama lain, rujukan secara dalam talian boleh dicapai dari semua lokasi.

14. **Alhamdulillah**, bagi kategori prasarana yang disediakan **UniMAP** telah mendapat pengiktirafan **LIMA** bintang dalam sistem penarafan QS Star.

Hadirin hadirat sekalian,

KAMPUS LESTARI UniMAP

15. Sejak dari dahulu lagi, kita berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sihat lagi kondusif melalui pelaksanaan amalan-amalan lestari yang melibatkan warga kampus dan masyarakat. Kita memberi penekanan kepada beberapa aspek seperti **menghijaukan persekitaran, menjimatkan sumber tenaga, menjalankan amalan kitar semula dan memupuk kesedaran umum mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.**
16. Program kampus lestari merupakan inisiatif jangka panjang yang diharap menjadi contoh di peringkat tempatan dan antarabangsa. Program ini menuntut komitmen berpanjangan melalui pendidikan dan bimbingan. Kita amat beruntung kerana DYTU Tuanku Canselor sendiri amat prihatin dalam menjayakan agenda kelestarian ini.
17. Pada hari pertama siswa siswi berada di UniMAP ini, saya mengajak semua warga baharu kampus memulakan revolusi mental menyahut seruan penjagaan alam sekitar. Fikirkan bagaimana kita dapat bersama-sama menyumbang kepada pemeliharaan lingkungan hidup, atau sekurang-kurangnya, tidak menambah beban pencemaran dan krisis yang sedang dialami planet bumi.
18. Jadikanlah ia sebahagian daripada proses pendidikan saudara-saudari sepanjang beberapa tahun di sini. Kemudian, setelah bergraduasi nanti, teruskanlah amalan-amalan murni yang saya harap saudara-saudari laksanakan di sini.

Hadirin hadirat sekalian,

ZAKAT DAN BANTUAN PELAJAR

19. Sebagai universiti yang bertanggungjawab melahirkan insan kamil yang bakal menyumbang kepada pembangunan negara, kita di UniMAP ingin menyediakan yang terbaik buat pelajar-pelajarnya. Dari segi pembiayaan kewangan, selain PTPTN, MARA dan JPA, UniMAP turut menawarkan bantuan menerusi sistem e-Tabung yang merangkumi Tabung Amanah Zakat, Tabung Endowment, dan Tabung Amanah Khas.
20. Selain itu, melalui Tabung Sumbangan Korporat dan Tabung Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (atau singkatannya MAIPs), kita telah menerima zakat korporat daripada pelbagai institusi seperti Maybank Islamic, Kinrara, Affin Islamic Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Celcom, UMW dan banyak lagi. Bagi tahun **2017**, kita menerima **RM190,000** bagi tujuan agihan kepada pelajar yang memerlukan.
21. Alhamdulillah, pada hari ini, *Syarikat Etiqa General Takaful Berhad* pula bermurah hati menghulurkan wang zakat sebanyak **RM60,000** dan menjadikan jumlah Tabung Sumbangan Zakat UniMAP bagi tahun **2018** sebanyak **RM167,105**. InsyaAllah kami akan berusaha untuk membuat agihan kepada semua pelajar UniMAP yang layak dan memerlukan sumbangan ini dengan segera agar ia dapat dimanfaatkan secepat mungkin. Saya berdoa agar pemberian ini diberkati, dan Allah Azzawajalla akan memudahkan urusan kakitangan Syarikat Etiqa, aamiin.

Hadirin hadirat dikasihi sekalian,

22. Saya ingin akhiri ucapan saya dengan sekali lagi menzahirkan ucapan terima kasih, jazakumullahu khairan kathira, kepada Syarikat Etiqa, *para ibubapa dan waris*, serta pelajar-pelajar baharu UniMAP. *Bagi yang akan menempuhi perjalanan pulang, semoga selamat menuju destinasi. Insyaa Allah, saya yakin barisan staf UniMAP hari ini akan bertemu lagi dengan para ibubapa semasa majlis konvokesyen anak-anak beberapa tahun dari sekarang.*

PENUTUP

Ampun Tuanku,

Demikian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik dengan penuh hormat merafak sembah menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku berdua yang banyak membantu patik sekalian meneruskan kerja mencapai kejayaan buat UniMAP.

Menjunjung kasih Tuanku.

Patik sudahi dengan assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.